

# DEWAN BAHASA

ديوان بهاس

MEMPERKAYA WAWASAN PEMBACA



## Melestarikan Bahasa Melayu melalui Didik Hibur

Bijak Bahasa  
dalam *Boria*

Bermukun  
Manifestasi  
Seni Berbahasa



**BIL. 10 2018**

Semenanjung Malaysia	: RM6.50
Sabah/Sarawak	: RM7.00
Brunei Darussalam	: B\$6.50
Singapura	: S\$6.50

KK 499-91318-1018  
ISSN 1511-9092



<http://dwnbahasa.dbp.my>



<b>KETUA EDITOR</b>	Fauzilahyaton Mustafa (fauzilah@dbp.gov.my)
<b>TIMBALAN KETUA EDITOR</b>	Nurul Julia Alani Henry (nurjulia@dbp.gov.my)
<b>EDITOR</b>	Ritah Yahaya (ritah@dbp.gov.my)
<b>PENOLONG EDITOR</b>	Siti Nur Hidayah Othman Bakar (hidayah@dbp.gov.my)
<b>PEGAWAI PROMOSI DAN PENGIKLAMAN</b>	Amirah Basyirah Noorisham (amirah@dbp.gov.my)
<b>PENTADIRAN</b>	Fauziah Yusof Zaidi Mohd Salleh Hadiah Idris Mohd Haffiz Shahrudin Normiza Hj. Awalludin Mohd Bakhtiar Samad
<hr/>	
<b>KETUA PENGARAH</b>	Datuk Haji Abdul Adzis Abas
<b>TIMBALAN KETUA PENGARAH (DASAR)</b>	Datuk Haji Abang Sallehuddin Abg. Shokeran
<b>TIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI)</b>	Kamarul Zaman Shahrudin
<b>PENGARAH PENERBITAN</b>	Haji Abd. Khalik Sulaiman
<hr/>	
<b>REKA BENTUK KULIT DAN REKA LETAK HALAMAN</b>	Percetakan Mesbah Sdn. Bhd.
<b>DICETAK OLEH</b>	Percetakan Mesbah Sdn Bhd (819193-K) No. 11, Jalan Tun Perak 6, Taman Tun Perak, 43200 Cheras, Selangor Darul Ehsan. Telefon: 603-9105 6473 Faks: 603-9105 6469 E-mel: p.mesbah@yahoo.com.my
<b>URUSAN LANGGANAN</b>	Bahagian Pemasaran dan Pengeedaran, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kompleks Dewan Bahasa dan Pustaka, Lot 1037, Jalan AU3/1, 54200 Ampang / Hulu Kelang, Selangor Darul Ehsan. Telefon: 03-4101 0033 Faks: 03-4101 2019 E-mel: pp@dbp.gov.my http://www.facebook.com DBPNiaga https://niaga.dbp.my

# Kandungan

## PUISI TRADISIONAL

**Gurindam Berbahasa Baik** **1**  
- *Ami Masra*

## BICARA BAHASA

**Seni Bahasa dan Jiwa** **4**  
- *Ritah Yahaya*

## AGENDA BAHASA

**Melestarikan Bahasa Melayu  
melalui Didik Hibur** **6**  
- *Khadijah@Aswati Adenan*

**Bahasa Ibunda dan  
Pendidikan Bahasa Melayu** **12**  
- *Salinah Ja'afar*

## REAKSI BAHASA

**Bahasa Melayu yang Kuat** **20**  
- *Ramli Ab. Halim*

**Dewan Bahasa Jambatan  
ke Pulau Ilmu** **38**  
- *Daeng Ramliakil*

## BAHASA DAN ISTILAH

**Istilah dalam Kitab Dakwah  
dan Tabligh** **22**  
- *Mohamad Suhaizi Suhaimi*

## PEMEROLEHAN BAHASA


**Ekabahasa lawan Dwibahasa** **26**  
- *Nurulhayati Ilias*

Apabila anda mengirimitkan sebarang tulisan, sila catatkan  
sebenar (di samping nama pena, jika ada), nombor kad pengenalan,  
alamat, nombor telefon dan nombor akaun bank. Tanpa maklumat  
tulisan yang dikirim kepada kami tidak akan disiarkan. Sila nyatakan  
sama ada makalah yang dihantar kepada Dewan Bahasa dan Pustaka  
dihantar kepada penerbit lain. Sila alamatkan tulisan anda kepada

Editor Dewan Bahasa,  
Bahagian Majalah,  
Aras 20, Menara Dewan Bahasa dan Pustaka,  
Peti Surat 10804, 50926 Kuala Lumpur.

# Istilah dalam *Kitab Dakwah* dan *Tabligh*

Oleh **MOHAMAD SUHAIZI SUHAIMI**



**Jemaah Tabligh ialah gerakan mubaligh Islam yang bertujuan mengajar manusia kembali kepada ajaran Islam yang menyeluruh.**

**S**ekitar tahun 1952, pusat perkembangan Jemaah Tabligh di Nizamuddin, India menghantar rombongan yang pertama ke Singapura atau ketika itu masih dalam kesatuan Malaya. Misi tersebut memfokuskan etnik pedagang kaya Tamil Muslim yang mempunyai pengaruh kuat di Malaya. Selain ke Singapura dan Pulau Pinang yang mempunyai komuniti Tamil Muslim yang besar, Maulana Madini, iaitu ketua rombongan membuat persinggahan di Kuala Lumpur.

Sewaktu di Kuala Lumpur, Maulana Madini bertemu dengan para tokoh terkemuka komuniti Tamil Muslim tempatan. Beliau diberikan peluang untuk berkhotbah di Masjid India. Sepanjang tahun 1960, kehadiran jemaah dari India terus meningkat dan berhasil mewujudkan komuniti Tamil Muslim di Pulau Pinang. Namun begitu, komuniti Tamil Muslim di Kuala Lumpur yang bergerak tanpa organisasi yang kukuh menyebabkan kegiatan Jemaah Tabligh kian perlahan dan menunjukkan penurunan sedikit demi sedikit.

Pada tahun 1967, pengurusan Masjid India, Kuala Lumpur tidak tertarik lagi untuk menerima para jemaah. Namun begitu, gerakan Jemaah Tabligh tetap diteruskan di masjid-masjid lain di Malaysia walaupun terbatas kepada golongan tua Tamil Muslim sahaja.

Sebenarnya, perluasan Jemaah Tabligh ke Singapura, Malaysia dan Asia Tenggara bukanlah disebabkan pengaruh dan peranan yang dimainkan oleh para maulana, tetapi disebabkan pengaruh dan peranan yang dimainkan oleh Profesor Abdul Rahman. Beliau yang merupakan Profesor Zoologi di New Town Madras College membawa misi pergerakan tabligh ke Malaysia.



### Penerbitan Kitab Dakwah dan Tabligh

Keutamaan dan keagungan generasi awal Islam dalam pertumbuhan dan perkembangan akademik adalah berpunca daripada pengajaran Islam berasaskan pengajaran al-Quran dan hadis Rasulullah SAW. Hal ini demikian kerana kedua-dua sumber rujukan tersebut memberikan galakan dan dorongan yang kukuh kepada umat Islam ke arah pembacaan, pemerhatian dan penyelidikan mengenai ayat wahyu-Nya, ayat mengenai alam di sekeliling manusia dan ayat mengenai kisah manusia, iaitu kecemerlangan dan kemerosotan tamadun.

Selain itu, al-Quran dan hadis turut memberikan dorongan ke arah mempertingkatkan pencapaian ilmu sebagai tanggungjawab pembelajaran yang seharusnya bersifat sepanjang hayat yang bermula dari buaian hingga ke liang lahad.

Dari aspek pencapaian ilmu, al-Quran dan hadis mendorong ke

arah pendisiplinan dalam bentuk persuratan dan penyelidikan. Hal ini diperkuat menerusi *Surah al-Alaq*, ayat 1-5 berkaitan menuntut ilmu yang diturunkan kepada junjungan Nabi Muhammad SAW pada tahun 610.

Surah tersebut menggesa kepada pembacaan, penyelidikan dan proses mendokumentasikan dalam bentuk penulisan sebarang bentuk ilmu yang dibaca dan diselidiki. Oleh hal yang demikian, penerbitan kitab turut dikaitkan dengan proses menuntut ilmu.

Bagi golongan Jemaah Tabligh, terdapat beberapa buah kitab yang sering dirujuk dan dijadikan amalan pembacaan semasa menjalankan aktiviti penyebaran dakwah mereka. Antara kitab tersebut termasuklah *Fadhilat Amal* dan *Muntakhab Hadis*.

### *Fadhilat Amal*

Kitab terbitan Al-Hidayah Publisher ini hasil karangan Sheikh Maulana Zakariya yang diterjemahkan ke dalam bahasa

Melayu. Beliau merupakan tokoh ulama hadis yang berasal dari India dikenali ramai, lebih-lebih lagi dalam kalangan ahli Jemaah Tabligh di seluruh dunia.

Usaha beliau memartabatkan ilmu dan dakwah Islam begitu besar signifikannya kepada perjuangan menyebarkan Islam dan sunnah Nabi SAW. Selain itu, hasil tulisan beliau juga menjadi sumber rujukan dan bacaan umat Islam seluruh dunia dan diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa utama dunia.

Ruang lingkup perbicaraan beliau merangkumi tujuh bahagian, iaitu "Kisah-kisah Para Sahabat", "Fadilat al-Quran", "Fadilat Solat", "Fadilat Zikir", "Fadilat Tabligh", "Kemunduran Umat dan Penyelesaiannya", dan "Fadilat Ramadan".

### **Muntakhab Hadis**

Kitab ini mengandungi himpunan hadis pilihan berkaitan sifat dakwah dan tabligh, iaitu "Kalimah Tayyibah", "Sembahyang Khusyuk", "Khudu", "Ilmu dan Zikir", "Ikramul Muslimin", "Ikhlâs Niat", dan "Dakwah dan Tabligh".

Penyusun kitab ini ialah Hadzrat Maulana Muhammad Yusuff al-Kandahlawi, manakala terjemahannya ke bahasa Melayu telah dibuat oleh Abu Abil Hassan Ibn Musa dan Muhammad Sanadi bin Haji Abu Bakar.

Kitab ini merupakan terbitan Klang Book Centre dengan cetakan pertama pada tahun 2004 diikuti dengan cetakan kedua pada tahun 2008.

Kitab ini menyarankan pembaca agar berusaha untuk mengamalkan kebaikan supaya mudah untuk melaksanakan ibadah dalam agama Islam. Perkara tersebut dijelaskan

**Penyusun kitab ini ialah Hadzrat Maulana Muhammad Yusuff al-Kandahlawi, manakala terjemahannya ke bahasa Melayu telah dibuat oleh Abu Abil Hassan Ibn Musa dan Muhammad Sanadi bin Haji Abu Bakar.**

Jadual 1 Istilah Umum dalam kitab *Fadhilat Amal* dan *Muntakhab Hadis*.

Kosa Kata	Bahasa Asal	Definisi
Amir	Arab	Pimpinan yang diangkat untuk suatu tempat. Juga pimpinan yang diangkat untuk suatu jemaah keluar di jalan Allah. Tugas Amir adalah berkhidmat kepada jemaah, bukan sebagai diktator.
Bayan	Arab	Majlis penerangan untuk memberitahu maksud dan tujuan usaha tabligh. Bayan biasanya membicarakan enam sifat utama yang perlu diusahakan.
Dzihin	Arab	Membentuk fikir supaya sentiasa risau dengan keadaan agama. Juga membentuk fikir supaya sentiasa ghairah untuk berusaha ke arah iman dan fikir umat.
Halaqah	Arab	Dalam setiap markas dibahagi menjadi beberapa kawasan yang disebut <i>halaqah</i> . <i>Halaqah</i> terdiri dari beberapa <i>subhalaqah</i> dan sub <i>halaqah</i> dibahagi lagi menjadi mohalla-mohalla. (turutan secara ringkas, iaitu Markas dunia (Nizamuddin) > Markas Negara > SubMarkas (markas-markas dalam negara) > <i>Halaqah</i> > <i>subhalaqah</i> > Mohalla (masjid atau surau di kampung atau taman perumahan).
Iktiraf	Arab	Bermalam atau duduk di masjid dalam jangka waktu tertentu sambil melakukan beberapa amalan masjid.

Jadual 2 Istilah Umum dalam kitab *Fadhilat Amal* dan *Muntakhab Hadis*.

Kosa Kata	Bahasa Asal	Definisi
<i>Buzruq</i>	Hindi/ Urdu	Orang alim atau ulama serta orang yang telah lama mengikuti usaha tabligh serta mempunyai kefahaman cukup luas dalam bidang usaha tabligh.
<i>Cillah</i>	Bangla	Satu jangka waktu (sekitar 40 hari) yang dijalani oleh ahli tabligh (karkun) untuk berusaha memperbaiki diri dari segi iman, amal, akhlak dan lain-lain. Untuk hal ini, ahli tabligh hendaklah menyempurnakan <i>cillah</i> nya sekurang-kurangnya satu kali dalam setahun dan paling sedikit meluangkan waktunya 3 <i>cillah</i> (4 bulan) seumur hidup.
<i>Intizam</i>	Hindi/ Urdu	Pekerjaan/pengurusan, pengendalian dan pengelolaan untuk menyelenggarakan perhimpunan seperti <i>jord</i> , <i>ijtimak</i> dan sebagainya.
<i>Jazbah</i>	Urdu	Semangat atau keghairahan dan perasaan cinta seseorang terhadap usaha agama dan yang berkaitan dengan itu.
<i>Josh</i>	Hindi/ Urdu	Perasaan berkobar-kobar yang luar biasa kadang kala melewati batas kewajaran kerana terlalu suka atau terlalu marah.
<i>Mohalla</i>	Bangla	Tempat tinggal para Jemaah Tabligh di tempat medan usahanya di tengah-tengah masyarakat setempat. Di sinilah dihidupkan aktiviti ziarah atau usaha dakwah tempatan.
<i>Routes</i>	Inggeris	Tempat atau rangkaian tempat yang akan dikunjungi jemaah dalam usahanya. (contohnya, jemaah jalan kaki akan keluar selama dua bulan di Kelantan dan Terengganu. Jemaah empat bulan akan ke negara yang jauh seperti Jerman).
Karkun	Akronim	Akronim bagi "Karyawan Kerja Usaha Nabi". Istilah yang digunakan di Yaman ialah <i>shahibuddakwah</i> . Namun begitu, ulama dakwah dan tabligh tidak pernah menganjurkan istilah ini kerana kekhawatiran memiliki sifat eksklusif sedangkan kerja dakwah bukan untuk selain karkun atau menimbulkan semangat <i>assobiyah</i> .

dengan ringkas dan padat supaya senang difahami dan mudah diamalkan oleh sesiapa sahaja.

Dari aspek bahasa, kedua-dua kitab ini menggunakan laras ilmiah, laras agama dan laras khutbah. Dalam aspek kosa kata sesuatu laras pula, perkara utama yang diberikan tumpuan ialah penggunaan kata sama ada laras yang diperkatakan itu banyak menggunakan istilah khusus, istilah umum ataupun tiada penggunaan istilah langsung.

Hal ini bermaksud, segala aspek yang berkaitan dengan kata mampu membuktikan bahawa sesuatu laras itu menggunakan kata-kata tertentu yang berbeza daripada laras yang lain. Justeru, penerbitan kitab dakwah dan tabligh menggunakan istilah umum dan istilah khusus bagi menyampaikan mesej dakwah.

Jadual istilah umum dan istilah khusus yang ditemui dalam kedua-dua kitab tersebut diperlihatkan dalam **Jadual 1** dan **Jadual 2**.

Penerbitan kitab dakwah dan tabligh sememangnya menampakkan laras agama yang berbeza daripada laras agama bahasa Melayu yang kebanyakannya hanya menekankan aspek kosa kata bahasa Arab sahaja.

Kosa kata bahasa Hindi, bahasa Urdu, bahasa Inggeris dan akronim digunakan dalam penerbitan kitab dakwah dan tabligh. Hal ini demikian kerana bahasa Hindi dan Urdu digunakan secara aktif dalam aktiviti Jemaah Tabligh dalam kalangan komuniti India, Pakistan dan Bangladesh. Justeru, berlakulah pencampuran bahasa yang kemudiannya berasimilasi dengan bahasa Melayu. 